

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI MELAKA
DALAM PERKARA PENGGULUNGAN SYARIKAT NO: MA-28NCC-39-
12/2023

PER: GREEN AIM MARKETING SDN BHD
(NO. SYARIKAT: 890756-P)

NOTIS JUALAN SECARA TENDER AWAM

Perintah Penggulungan Syarikat telah dibuat pada 4.3.2024. Dengan ini Pegawai Penerima dan Pelikuidasi Syarikat Green Aim Marketing Sdn Bhd akan menjual aset yang disenaraikan dalam Jadual secara Tender Awam.

BIL	JENIS HARTA	MAKLUMAT HARTA	HARGA RIZAB
1	MOTOSIKAL	(a) No. Pendaftaran: MCX7758 (b) Buatan: DNC Asiatic Holding Sdn Bhd (c) Model: Demak EX90 (d) Keupayaan Enjin: 90 (e) Bahan Bakar: Petrol (f) Tahun Dibuat: 2017	RM630.00

1. Tawaran yang ingin dibuat hendaklah menggunakan surat tawaran di lampiran G dan dimasukkan ke dalam sampul surat. Sampul surat tersebut hendaklah dituliskan dengan **"TAWARAN UNTUK MEMBELI ASET MILIK SYARIKAT GREEN AIM MARKETING SDN BHD – MCX7758"** pada sudut kiri sebelah atas sampul surat. Surat tawaran tersebut hendaklah dikemukakan sama ada melalui pos atau dengan tangan kepada alamat yang berikut:

Peti Tender Khas

Jabatan Insolvensi Malaysia
Cawangan Melaka
Aras 12, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
MELAKA

2. Setiap tawaran hendaklah disertakan dengan wang deposit dalam bentuk draf bank/wang pos sebanyak 10% daripada harga yang ditawarkan dan hendaklah dibayar atas nama **"Ketua Pengarah Insolvensi (No.Insolvensi : LC004409/2023)"**

Tawaran yang tidak disertakan dengan wang deposit atau jumlah wang deposit yang tidak mencukupi akan ditolak.

3. Bagi penawar yang tidak berjaya wang deposit akan dikembalikan tanpa faedah.

4. Sekiranya penawar yang berjaya tidak menjelaskan wang baki (90%) dalam tempoh **Dua Puluh Satu (21) hari** dari tarikh pemberitahuan penerimaan tawaran tersebut atau tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Pegawai Penerima dan Pelikuidasi Syarikat Green Aim Marketing Sdn Bhd, maka penjualan ini dianggap terbatal dan wang deposit tersebut tidak akan dikembalikan.

5. Semua penawar dianggap telah memeriksa dan mengetahui keadaan asset tersebut dan penjualan ini secara **keadaan seperti sedia ada (as is where is basis)**.

6. Tunggakan cukai dan caj yang dikenakan sebelum tarikh Perjanjian Jual Beli akan ditanggung oleh Penjual. Segala urusan dan kos pemindahan asset termasuk kos membersihkan premis tersebut ditanggung oleh Pembeli (Penawar) yang berjaya (jika berkenaan).

7. Tawaran akan ditutup pada **19.01.2026**, jam **12.00 tengahari** dan tawaran yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan diproses.

8. Pegawai Penerima dan Pelikuidasi Syarikat Green Aim Marketing Sdn Bhd tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling tinggi atau mana-mana tawaran.

9. Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) Cawangan Melaka akan mengadakan Hari Lawat Periksa untuk penawar membuat pemeriksaan aset pada ketentuan berikut:

Tarikh	:	12.01.2026
Masa	:	9.00 pagi hingga 12.00 tengahari
Lokasi	:	B1, Menara Persekutuan Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya 75450, Ayer Keroh, Melaka

10. Tawaran yang berjaya akan tertakluk kepada terma dan syarat dalam perjanjian yang ditetapkan. Bagi penjualan harta tanah hendaklah mendapat kelulusan pindah milik daripada Pihak Berkuasa Negeri (jika berkenaan)

11. Sebarang pertanyaan sila hubungi Puan Ami @ Atasha Binti Hasan di nombor telefon 06-2345521 atau melalui e-mel: atasha.hasan@mdi.gov.my daripada Jabatan Insolvensi Negeri Melaka.

Bertarikh pada: 16.12.2025



Penolong Kanan Pegawai Penerima
Jabatan Insolvensi Negeri Melaka
b.p Pegawai Penerima Malaysia dan Pelikuidasi Syarikat Green Aim
Marketing Sdn Bhd
[Rujukan: MdI/M/005/7/2024]